

04/04/1999

BN kukuh perpaduan parti

KOTA KINABALU: Parti komponen Barisan Nasional (BN) akan menumpukan perhatian kepada agenda mengukuhkan perpaduan parti bagi menghadapi pilihan raya Parlimen yang dijangka berlangsung tidak lama lagi.

Ketua Menteri, Datuk Osu Sukam yang juga Pengerusi BN Negeri berkata kemenangan BN dalam pilihan raya negeri bulan lalu perlu dijadikan sandaran untuk terus berjaya.

"Semua anggota komponen parti perlu kembali ke akar umbi untuk mengukuhkan perpaduan ahli dan berusaha memenangi hati serta keyakinan rakyat seluruhnya terutama di kawasan BN tidak mendapat sokongan baik," katanya.

Osu berkata demikian kepada 25 anggota komponen Wanita BN yang mengadakan kunjungan hormat di pejabatnya di Yayasan Sabah, kelmarin. Rombongan itu diketuai, Datuk Norjan Khan Bahadar.

Dalam kenyataan akhbar yang dikeluarkan semalam, Osu berkata walaupun menang dalam pilihan raya negeri, ia tidak bermakna anggota komponen BN boleh berehat.

"Mereka sepatutnya lebih memusatkan perhatian bagi memperbaiki setiap kesilapan dan kelemahan yang berlaku dan bersiap sedia menghadapi pilihan raya Parlimen," katanya.

Menurutnya, beliau menerima laporan post mortem mengenai pilihan raya itu dan walaupun ketika ini masih bergembira meraikan kemenangan, di kawasan yang kalah juga perlu diberi perhatian utama.

"Kita tidak semestinya kecewa dengan kekalahan tetapi kita perlu memberi sedikit masa untuk rakyat berfikir," katanya.

Beliau juga meminta mereka yang dilantik memegang jawatan supaya bekerja keras, merangka pelan jangka masa panjang dan menjalankan tugas sebaik mungkin.

Osu juga berterima kasih di atas sumbangan wanita dalam memastikan kemenangan BN serta memastikan kerjasama sewajarnya terus diwujudkan berdasarkan konsep perkongsian kuasa.

"Adalah mustahak untuk tidak memikirkan diri dan kaum sendiri kerana negara kita berbilang kaum dan agama," katanya.

Katanya, "Bukan satu tugas mudah untuk membina negara seperti itu, malah kita mengambil masa lebih 30 tahun untuk melaksanakannya dan jika kita tidak berhati-hati segala yang dibina akan musnah dalam tempoh yang singkat seperti yang berlaku kepada negara jiran."

Malaysia, katanya bernasib baik kerana mempunyai Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang memiliki komitmen kukuh dalam memastikan perpaduan kaum.

Mengenai sumbangan wanita, beliau berkata ketika ini wanita masih kurang berkhidmat dalam bidang tertentu tetapi pada keseluruhannya pencapaian mereka membanggakan.

(END)